



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

*HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA*

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,  
JALAN SULTAN ISMAIL,  
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax: 603-2612 5620

Email: [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

Web: [www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)

**EDITOR, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **SEMAKAN KEDUA PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR) MALAYSIA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merakamkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia di atas pembentangnya di sesi Semakan Kedua Rekod Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) pada 24 Oktober 2013 di Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva.

Suruhanjaya yang menghadiri sesi tersebut sebagai pemerhati, mengambil maklum tentang pelbagai komen dan syor yang ditujukan kepada Malaysia oleh kira-kira seratus Negara Ahli PBB semasa sesi dialog interaktif UPR. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa kebanyakan komen yang dikemukakan oleh Negara Ahli adalah bersifat positif dan pujian dimana sebilangan besar daripada mereka memuji Malaysia atas pencapaian mempromosikan hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, terutama sekali dalam aspek-aspek pembasmian kemiskinan dan akses kepada pendidikan serta kesihatan. Komen-komen yang positif juga diberikan berkenaan tindakan Kerajaan memansuhkan beberapa undang-undang penahanan pencegahan termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah (EO) walaupun beberapa Negara Ahli menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pindaan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini terhadap Akta Pencegahan Jenayah (PCA) yang bersifat mundur dan tidak selaras dengan prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya mengalu-alukan syor-syor yang dikemukakan oleh Negara Ahli berkenaan isu-isu hak wanita, hak kanak-kanak, hak pekerja asing, hak pelarian dan pemohon suaka, Orang Asli, pemerdagangan manusia dan pemansuhan hukuman mati. Walaubagaimanapun, Suruhanjaya kecewa dengan ketiadaan syor berkenaan isu perniagaan dan hak asasi manusia yang merupakan satu aspek hak asasi manusia yang baru dan penting bagi Negara Ahli di seluruh dunia termasuk Malaysia. Ini menggambarkan kekurangan pengiktirafan oleh pihak Kerajaan Negara-Negara Ahli terhadap peranan dan tanggungjawab entiti perniagaan dalam mwempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Walaupun Suruhanjaya bersetuju dengan komen-komen positif beberapa Negara Ahli bahawa Malaysia telah menunjukkan kemajuan dalam bidang hak asasi manusia melalui pelbagai inisiatif dan pendekatan berikutan penilaian yang dijalankan pada tahun 2009, ia berpendapat bahawa komen-komen dan syor-syor yang kritikal dan membina perlu ada untuk dijadikan peringatan kepada Kerajaan Malaysia bahawa ia perlu menggandakan usaha-usaha mempromosi dan melindungi keadaan hak asasi manusia di dalam negara.

Menyedari bahawa proses UPR membenarkan Negara di bawah Penilaian untuk menyokong atau tidak menyokong sesuatu syor, Suruhanjaya menggesa agar pihak Kerajaan mempertimbangkan secara positif untuk menyokong sebanyak mungkin yang boleh, syor-syor yang membina dan praktikal, dan melaksanakan syor-syor tersebut secara sepenuhnya dalam tempoh masa empat tahun setengah yang akan datang, sebelum dinilai untuk kali ketiga pada tahun 2018, apabila ia menjelang menjadi negara maju.

Suruhanjaya mengalu-alukan penerimapaikain hasil laporan Malaysia pada peringkat awal yang akan berlangsung pada 31 Oktober 2013 di Geneva. Suruhanjaya berharap agar laporan yang akan menekankan komitmen Kerajaan di bawah semakan kedua UPR tersebut, akan menjadi satu dokumen asas dalam menentukan tindakan susulan pihak Kerajaan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Secara keseluruhannya, Suruhanjaya yakin bahawa sesi UPR tersebut adalah satu kejayaan yang besar bagi pihak Kerajaan yang turut dipuji oleh Suruhanjaya. Namun, Suruhanjaya berpendapat bahawa satu perbincangan yang lebih berfokus dan mendalam tentang situasi hak asasi manusia di negara ini akan mendatangkan lebih banyak manfaat kepada Malaysia dalam mengambil langkah-langkah untuk memenuhi komitmennya bagi menambahbaik situasi hak asasi manusia di negara ini dalam tempoh empat tahun setengah yang akan datang sebelum semakan kedua dijalankan.

**-TAMAT-**

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**Tan Sri Hasmy Agam**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

26 Oktober 2013